

CNS6990

R GB 25-05 00162 BA217

bah

Mahathir - Sabah

MASIH ADA NIAT UNTUK MEMISAHKAN SABAH DARIPADA MALAYSIA, KATA PM

KUALA LUMPUR, 25 Mei (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata Parti Bersatu Sabah (PBS) masih mempunyai niat untuk memisahkan Sabah daripada Malaysia.

"Saya fikir masih ada niat (untuk memisahkan Sabah daripada Malaysia)," kata Perdana Menteri kepada pemberita di Lapangan Terbang Antarabangsa Subang, dekat sini, sekembalinya daripada menghadiri Forum Pemimpin Majlis Ekonomi Lembangan Pasifik (PBEC) di Seoul, Korea Selatan.

Dr Mahathir berkata niat sedemikian memang wujud berasaskan kepada keengganan kerajaan PBS untuk bekerjasama dengan kerajaan Persekutuan dalam sebarang hal.

Dr Mahathir berkata demikian ketika diminta mengulas dakwaan Presiden Parti Angkatan Keadilan Rakyat (Akar) Datuk Mark Koding pada Ahad lepas bahawa pemimpin PBS pernah merancang menjadikan Pulau Balambangan di utara Kudat sebagai tempat latihan ketenteraan untuk keluar dari Malaysia.

Koding mendakwa latihan ketenteraan yang dicadangkan itu membabitkan veteran marin Amerika Syarikat. -- Lagi.

▼25/05/18-48MST

R GB 25-05 00165 BA224

bah

(Ulangan - menutup berita)

Mahathir - Sabah 2 (Akhir) Kuala Lumpur

Bagaimanapun, kata Koding, usaha itu sempat dihalang apabila Kementerian Dalam Negeri mendapat maklumat mengenainya dan beberapa perancangnya ditahan mengikut Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) manakala yang lain lari ke luar negara.

Dr Mahathir berkata: "Memang kita sedar tentang usaha ini (untuk memisahkan Sabah)...Sebab itu kita terpaksa tahan (Pengarah Yayasan Sabah Datuk Dr) Jeffrey Kitingan dan beberapa orang lain."

"Walaupun mereka menyangkal, memang niat mereka adalah untuk memisahkan Sabah dari Malaysia," kata beliau lagi.

Perdana Menteri berkata kerajaan Persekutuan mempunyai bukti yang kukuh yang diperolehi melalui hasil penyelidikan untuk mempertahankan kenyataannya bahawa terdapat percubaan untuk memisahkan Sabah dari Malaysia.

Menteri Hal Ehwal Sabah Tun Datu Mustapha Datu harun, yang juga Timbalan Ketua Perhubungan UMNO Sabah, juga dilaporkan semalam sebagai mendakwa bahawa pakatan membawa Sabah keluar daripada Malaysia diperjuangkan oleh PBS sejak parti itu mengambil alih pemerintahan Sabah pada 1985. -- Bernama.